



**SOALAN PRAKTIS BESTARI
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2014**



**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
EKONOMI ASAS
Kertas 1 / Set 1**

3757/1

1 1/4 jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

1 Antara berikut yang manakah berkaitan usahawan?

- I Menggabungkan faktor-faktor pengeluaran
 - II Tidak diniagakan di pasaran faktor
 - III Menerima ganjaran faedah
 - IV Tidak sanggup menghadapi risiko
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV

2 Gambar di bawah menunjukkan perbualan tiga orang sahabat tentang masalah ekonomi yang dihadapi mereka.



Apakah masalah yang dihadapi oleh tiga orang sahabat di atas?

- A Kekurangan pendapatan
- B Pilihan barang
- C Mencapai kepuasan maksimum
- D Kos lepas yang dihadapi oleh mereka

3 Gambar di bawah menunjukkan dua jenis barang dalam ekonomi.



Apakah persamaan ciri kedua-dua barang tersebut?

- A Perkhidmatan percuma
 - B Penawaran yang terhad
 - C Ada pengecualian penggunaan
 - D Disediakan oleh pinak kerajaan
- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan masalah asas ekonomi yang dihadapi oleh Syarikat Merah Angsana

Syarikat Merah Angsana mampu mengeluarkan 5 000 tan baja sebulan dengan menggunakan mesin yang baru dibeli daripada Kanada

- Apakah masalah ekonomi yang belum diselesaikan oleh Syarikat Merah Angsana?
- A Apakah barang yang hendak dikeluarkan
 - B Berapa barang yang hendak dikeluarkan
 - C Bagaimana barang tersebut dikeluarkan
 - D Untuk siapa barang tersebut dikeluarkan
- 5 Yang manakah merupakan ciri sistem ekonomi perancangan pusat?
- A Motif ialah mendapatkan keuntungan maksimum
 - B Sumber ekonomi dimiliki oleh kerajaan
 - C Individu dan firma bebas memiliki faktor pengeluaran
 - D Harga ditentukan melalui mekanisme harga

6 Pernyataan di bawah merujuk kepada faktor pemilihan pekerjaan.

Cik Syuhada seorang graduan dalam jurusan seni bina daripada Universiti Ohio, memilih menjadi seorang guru di sebuah tadika yang berdekatan dengan rumahnya. Walau pun tidak menawarkan bonus, Cik Syuhada tetap menerima jawatan tersebut.

Apakah faktor yang mempengaruhi Cik Syuhada memilih kerjaya tersebut?

- A Jarak
- B Upah wang
- C Faedah sampingan
- D Kelayakam akademik

7 Pernyataan manakah yang menerangkan tentang pendapatan tidak produktif?

- A Puan Saonah memperoleh upah mengikut jam bekerja
- B Encik Zugana menerima dividen daripada simpanan ASB
- C Puan Syuhada menerima Bantuan Rakyat 1 Malaysia
- D Cik Junaidah memperoleh sewa daripada tanah yang dimiliki

8 Maklumat di bawah berkaitan dengan Encik Khasturi.

Encik Khasturi bekerja di sebuah syarikat dengan gaji RM4 000 sebulan. Beliau mempunyai 3 orang anak yang bersekolah. Beliau mencarum di dalam KWSP sebanyak 11% sebulan. Isterinya bekerja sebagai seorang guru di sebuah sekolah menengah.

Jadual Pelepasan Cukai	
Diri sendiri	RM8 000
Isteri	RM3 000
Anak	RM1 000 seorang
Caruman KWSP dan Insuran Nyawa	RM5 000 maksimum


Hitungkan pendapatan boleh cukai Encik Kasturi.

- A RM 19 000
- B RM 19 280
- C RM 17 000
- D RM 21 000

- 9 Antara yang berikut, manakah yang merupakan kepentingan belanjawan peribadi?
- I Mempraktikkan amalan menabung
 - II Menikmati lebih banyak barang
 - III Merancang perbelanjaan mengikut pendapatan
 - IV Mengutamakan barang kehendak
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D II dan IV
- 10 Pilih pernyataan yang benar tentang konsep pelaburan.
- A Mengurangkan pembayaran cukai syarikat
 - B Bersifat mudah cair dan pulangannya adalah lebih rendah
 - C Tidak melibatkan risiko ketidakpastian dan lebih selamat
 - D Perbelanjaan ke atas penggunaan dan penambahan stok modal
- 11 Yang manakah merupakan peranan isi rumah dalam ekonomi?
- A Menggabungkan faktor-faktor pengeluaran
 - B Menggunakan faktor-faktor pengeluaran
 - C Pembekal faktor-faktor pengeluaran
 - D Pembayar ganjaran faktor pengeluaran
- 12 Pilih pernyataan yang benar berkaitan keluk permintaan.
- A Keluk permintaan mencerun ke bawah dari kiri ke kanan
 - B Apabila pendapatan meningkat kuantiti diminta meningkat
 - C Menunjukkan hubungan positif antara harga dengan kuantiti diminta
 - C Keluk permintaan individu lebih landai berbanding keluk permintaan pasaran
- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan satu penentu permintaan.

Kerajaan memberi bonus kepada kakitangan awam dan menaikkan pemberian BR1M kepada RM650.00

Rajah manakah yang menunjukkan kesan permintaan barang-barang dan perkhidmatan daripada pemberian tersebut?




- 14 Jadual di bawah menunjukkan peratus perubahan kuantiti yang diminta dan peratus perubahan harga bagi barang E dan barang F

Barang	Peratus perubahan kuantiti	Peratus perubahan harga
E	30	20
F	20	80

Apakah yang dilakukan pengeluar untuk meningkatkan jumlah hasil

	Barang E	Barang F
A	Harga dikekalkan	Harga dinaikkan
B	Harga diturunkan	Harga dikekalkan
C	Harga dinaikkan	Harga diturunkan
D	Harga diturunkan	Harga dinaikkan

- 15 Pernyataan manakah yang benar mengenai fungsi pengeluaran jangka pendek?
- A Semakin banyak output, semakin tinggi penggunaan input tetap
 - B Jika tiada output maka input tetap tidak akan wujud
 - C Terdapat input berubah dan input tetap yang digunakan
 - D Jangka pendek ialah tempoh kurang daripada lima tahun
- 16 Antara faktor berikut, yang manakah menyebabkan peningkatan penawaran suatu barang dalam ekonomi?
- I Penggunaan teknologi baru
 - II Kos bahan mentah meningkat
 - III Penambahan subsidi kepada pengeluar
 - IV Jangkaan harga akan turun pada masa hadapan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 17 Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran komputer ‘tablet’.



Apakah faktor yang menyebabkan penawaran komputer tablet beralih dari a ke b?


- A Penurunan harga i Pad
- B Penggunaan teknologi moden
- C Jangkaan harga ‘tablet’ akan turun
- D Harga komputer ‘tablet’ meningkat

- 18 Jadual dibawah menunjukkan nilai keanjalan harga penawaran air minuman Koool Blog

Harga (RM)	Kuantiti (Gelas)	Nilai pekali keanjalan
4.00	400	2

Berapakah kuantiti penawaran baharu bagi air minuman Koool Blog jika harga meningkat 25%?


- A 425
 B 600
 C 625
 D 700
- 19 Rajah dibawah menunjukkan keluk penawaran bagi tiga buah firma untuk pasaran kamera SLR



Hitungkan penawaran pasaran pada tingkat harga RM1 500.

- A 380
 B 400
 C 430
 D 630


20 Rajah di bawah menunjukkan keadaan suatu pasaran barang.



Apakah yang akan berlaku dalam pasaran barang jika harga barang ditetapkan pada RM 60 ?

- A Wujud lebihan penawaran barang sebanyak 60 unit dan harga cenderung naik
 - B Wujud lebihan penawaran barang sebanyak 140 unit dan harga cenderung naik
 - C Wujud lebihan permintaan barang sebanyak 140 unit dan harga cenderung naik
 - D Wujud lebihan permintaan barang sebanyak 60 unit dan harga cenderung naik
- 21 Apakah yang dimaksudkan dengan penawaran buruh?
- A Jumlah buruh yang sanggup diambil oleh firma untuk bekerja pada suatu tingkat upah dalam tempoh masa tertentu
 - B Jumlah buruh yang sanggup bekerja dalam tingkat upah yang rendah
 - C Jumlah buruh yang sanggup bekerja pada suatu tingkat upah dalam tempoh masa tertentu
 - D Jumlah buruh yang diberi upah oleh firma dalam tempoh masa tertentu.

22 Rajah di bawah menunjukkan aliran wang dalam ekonomi dua sektor.



Pernyataan yang manakah berkaitan dengan Aliran I?

- A Penerimaan hasil jualan barang
- B Permintaan faktor pengeluaran
- C Pembayaran ganjaran faktor
- D Penawaran barang dan perkhidmatan

23 Antara yang berikut, manakah yang merupakan ciri-ciri wang?

- I Nilai stabil
 - II Tahan lama
 - III Pengukur nilai
 - IV Perantaraan pertukaran
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV

24 Maklumat berikut menunjukkan kelemahan sistem barter

Nilai pembayaran pada masa hadapan mungkin berbeza dengan nilai yang dipersetujui kini

Fungsi wang manakah yang dapat mengatasi kelemahan tersebut?

- A Penyimpan nilai
- B Alat bayaran tertunda
- C Unit ukuran nilai
- D Perantaraan pertukaran

25 Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi bank perdagangan.

Arahan yang diberikan oleh pemilik akaun simpanan kepada bank untuk melakukan pembayaran secara tetap dan berulang

Apakah fungsi bank perdagangan tersebut?

- A Debit langsung
- B Pindahan kredit
- C Kemudahan overdraf
- D Perintah sedia ada

26 Apakah kesan terhadap ekonomi negara jika Bank Negara Malaysia melonggarkan syarat sewa beli?

- I Pengangguran di atas
- II Ciptaan kredit meningkat
- III Kuasa beli meningkat
- IV Tabungan meningkat

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

27 Gambar di bawah menunjukkan pebualan dua orang sahabat berkaitan suatu keadaan ketidakstabilan ekonomi.



Apakah tindakan Bank Pusat bagi membaiki ketidakstabilan ekonomi di atas?

- I Meningkatkan kadar rizab berkanun
II Menjual surat jaminan kerajaan
III Menaikkan had pinjaman maksimum
IV Memanjangkan tempoh bayaran balik pinjaman
- A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV
- 28 Apakah sumbangan Institusi Kewangan Bukan Bank kepada pembangunan ekonomi negara?
- A Mengurangkan pinjaman daripada luar negara
B Mengawal kadar rizab tunai dan rizab berkanun
C Menyediakan Skim Perbankan Islam
D Menguruskan pertukaran asing
- 29 Pilih pernyataan yang berkaitan dengan Lembaga Tabung Haji (LTH)
- I Pendeposit diberikan dividen
II Menyediakan deposit semasa
III Simpanan dijamin oleh kerajaan
IV Merupakan sebuah bank perdagangan
- A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV
- 30 Apakah faktor-faktor yang mendorong kepada perubahan struktur ekonomi negara?
- A Peningkatan pelaburan asing
B Langkah mempelbagaikan ekonomi
C Meluaskan kawasan pertanian negara
D Mencari sumber asli yang baharu

31 Antara yang berikut, yang manakah kesan perubahan struktur ekonomi negara?

- I Pertambahan pelabur daripada China dan Korea
 - II Guna tenaga di sektor pertanian semakin berkurangan
 - III Harga getah turun naik di pasaran dunia
 - IV Kadar pengangguran dalam negara meningkat
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV

32 Pilih pernyataan yang berkaitan dengan cukai tidak langsung.

- A Encik Manan dikenakan bayaran semasa melakukan pindahmilik rumah di Taman Tas
- B Encik Nazri membayar RM500 kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri
- C Puan Aida dikenakan bayaran tambahan sebanyak 3% daripada pembelian ayam goreng di restoran makanan segera
- D Encik Ah Chee yang memiliki rumah di Beserah membayar RM200 setahun kepada Majlis Perbandaran Kuantan

33 Pilih pernyataan yang benar berkaitan imbalan pembayaran.

- A Akaun dagangan merekod nilai eksport dan import perkhidmatan sesebuah negara dalam tempoh setahun
- B Sebarang penerimaan daripada eksport perkhidmatan akan didebitkan dalam akaun perkhidmatan
- C Pendapatan pelaburan ialah penerimaan keuntungan dan dividen oleh sesebuah syarikat yang melabur di dalam negara
- D Pindahan rasmi ialah pindahan kewangan yang dibuat oleh kerajaan sesebuah negara kepada kerajaan negara lain

34 Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa Malaysia

Malaysia mengimport mesin menuai padi bernilai RM5 juta dari negara Jepun

Urusniaga di atas akan direkodkan secara

- A Debit dalam akaun dagangan
- B Debit dalam akaun perkhidmatan
- C Kredit dalam akaun dagangan
- D Kredit dalam akaun perkhidmatan

35 Apakah kepentingan pertukaran asing bagi sesebuah negara?

- A Meningkatkan eksport
- B Mempertahankan nilai matawang
- C Menambah sumber pendapatan
- D Meningkatkan pelaburan tempatan

36 Maklumat di bawah berkaitan dengan perbelanjaan Puan Rozi di London



£ 2 840



£1 000

Berdasarkan kadar pertukaran RM1 = £0.24, hitung jumlah perbelanjaan Puan Rozi dalam nilai Ringgit Malaysia.

- A RM 11 842.80
- B RM 16 000.00
- C RM 16 012.80
- D RM 28 840.00

Soalan 37 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 37 I Kos purata merupakan kos pengeluaran bagi seunit output.
 II Kos purata diperoleh apabila jumlah kos dibahagi dengan jumlah output.
- 38 I Keluk permintaan pasaran mencerun ke atas dari kiri ke kanan
 II Keluk permintaan pasaran lebih landai berbanding keluk permintaan individu..
- 39 I Salah satu sumber pinjaman dalam negeri ialah kredit pembekal.
 II Kredit pembekal merupakan pinjaman dalam bentuk barang yang bayarannya ditangguhkan untuk suatu masa tertentu.
- 40 I Akaun modal merekodkan aliran masuk dan aliran keluar kewangan bagi sesebuah negara dalam tempoh setahun.
 II Akaun pelaburan langsung merupakan salah satu daripada elemen Akaun Modal.

KERTAS SOALAN TAMAT.